

27 OCT 2003

Mahathir-Islam/I

ORANG ISLAM BERHAK UNTUK BERASA MARAH DENGAN YAHUDI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar mereka yang mengutuk beliau sebagai anti-Semitik berhubung kenyataannya baru-baru ini mengenai orang Yahudi tetapi memilih mendiamkan diri apabila "Nabi (Muhammad) saya dipanggil penganas."

Perdana Menteri yang akan bersara pada Jumaat ini menegaskan beliau kenal ramai orang Yahudi dan tidak bermusuhan dengan mereka.

"Saya menentang golongan Yahudi yang membunuh orang Islam dan orang Yahudi yang menyokong pembunuhan orang Islam," katanya pada sidang media selepas menghadiri satu majlis di Kementerian Kewangan di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata kemarahan memuncak di kalangan orang Islam yang tanah mereka dirampas daripada mereka untuk membolehkan diwujudkan negara Israel.

"Adakah kita tidak dibenarkan untuk menyatakan yang kita marah dengan orang Yahudi? Adakah orang Yahudi merupakan makhluk yang langsung tidak boleh dikutuk?" katanya.

Kelantangan Perdana Menteri telah menimbulkan kemarahan pemimpin-pemimpin Barat dan Eropah ekoran kenyataan beliau dalam ucapannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 baru-baru ini di Malaysia apabila beliau berkata Yahudi kini menguasai dunia dengan menggunakan proksi.

Dr Mahathir berkata beliau tidak kisah jika orang Eropah tidak suka kepada beliau.

Katanya: "Saya mempunyai kawan di kalangan orang Eropah. Tetapi apabila mereka melakukan perkara yang salah, saya akan beritahu mereka bahawa ianya salah.

"Anda kata anda tidak berada di bawah pengaruh Yahudi tetapi apabila saya mengritik orang Yahudi, seluruh Kesatuan Eropah mahu mengutuk saya.

"Tetapi apabila ada orang mengutuk orang Islam, menggelar Nabi (Muhammad) saya penganas dan seumpamanya, adakah Kesatuan Eropah berkata sesuatu? Ini menunjukkan bahawa mereka berada di bawah telunjuk Yahudi."

Ditanya kenapa sesetengah pemimpin Islam tidak menyatakan sokongan secara terbuka terhadap kenyataannya itu, Dr Mahathir berkata kemungkinan mereka takut tindakan akan diambil terhadap mereka.

"Mereka lebih lemah daripada kita. Mereka mungkin mempunyai lebih banyak wang tetapi mereka masih bergantung kepada Eropah.

"Atas sebab itu, mereka keberatan untuk menyuarakan pendapat mereka tetapi secara senyap-senyap sudah pasti mereka sokong," katanya.

Kepada soalan bahawa kemungkinan kenyataan beliau mengenai orang Yahudi itu akan mendatangkan kesan sampingan terhadap Malaysia, yang menurut para pegawai telah ditafsir luar daripada konteks oleh media asing yang membuat liputan Sidang Kemuncak OIC, beliau berkata:

"Saya fikir negara kita berupaya menghadapi banyak tekanan. Di masa lampau kita telah berjaya melakukannya. Mereka telah cuba membunuh kita daripada segi ekonomi, mereka merampas wang kita, mereka memiskinkan kita. Namun kita tetap berjaya menghadapinya.

"Dan kita akan terus dapat menghadapinya. Saya yakin bahawa pengganti saya (timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan berupaya berbuat demikian."

-- BERNAMA

MAM MAM RHM